PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 APRIL 2016

Task force perlu minta maaf kepada PM

UM - 20/4/2016

KUALA LUMPUR 19 April - Pasukan penyiasat khas atau task force yang ditubuhkan bagi menyiasat Datuk Seri Najib Tun Razak perlu meminta maaf kepada Perdana Menteri selepas isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan RM2.6 bilion dijelaskan pihak Arab Saudi serta Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Senator Tan Sri Mohd. Ali Rustam berkata, penubuhan task force itu telah memberi persepsi negatif buat Perdana Menteri dan negara kerana orang ramai beranggapan Najib sudah bersalah dalam kedua-dua isu berkenaan tetapi hakikatnya adalah sebaliknya.

"Apabila ditubuhkan task force, orang dah ada persepsi Perdana Menteri bersalah. Padahal ini fitnah oleh *Wall Street Journal* (WSJ). Jadi kerana itu nama baik Perdana Menteri dan negara sudah terjejas.

"Kerana itu saya lihat perkara ini tidak boleh lagi berulang, task force ini perlu minta maaf," katanya ketika ditemui selepas sidang Dewan Negara hari ini.

Dalam pada itu, Senator Datuk Megat Zulkarnian Omardin pula meminta bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhenti daripada terus mengelirukan rakyat hanya kerana dendam politiknya terhadap Perdana Menteri.

Katanya, apabila PAC sudah merumuskan bahawa Najib tidak bersalah dalam isu 1MDB dan kerajaan Arab Saudi pula mengesahkan derma RM2.6 bilion adalah sumbangan ikhlas, maka tuduhan Dr. Mahathir sudah tidak relevan lagi

"Sudah tiada kes, apa lagi? Sudah-sudahlah. Kalau ada masalah secara peribadi selesaikan secara peribadi dan jangan libatkan rakyat. Permainan politik fitnah membawa kemudaratan paling besar," katanya.

Menurutnya, bekas Perdana Menteri itu juga perlu berhenti menggunakan rakyat sebagai modal untuk menjatuhkan kepemimpinan Najib kerana kerajaan sedia ada dipilih secara sah oleh suara majoriti rakyat.

"Perkataan rakyat terlalu murah sekarang. Dia (Dr. Mahathir) kata dia berjuang demi rakyat. Dia buat deklarasi rakyat tetapi rakyat yang mana," soalnya.